

Hakim tak benarkan Najib tangguh lagi perbicaraan

Kuala Lumpur: Hakim Mahkamah Tinggi, Collin Lawrence Sequerah, mengingatkan Datuk Seri Najib Razak, yang penangguhan perbicaraan kes rasuah dan perubahan wang haram dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) semalam adalah yang terakhir.

"Ini adalah kali terakhir situasi sebegini (penangguhan)," katanya dengan tegas.

Sequerah turut mengingatkan prosiding perbicaraan semalam orang ditetapkan pada sebelah perang kerana Najib berjanji akan memberikan ucapan pada sidang Dewan Rakyat pada sebelah pagi.

Sehubungan itu Sequerah menangguk kepada hari ini perbicaraan berprofil tinggi itu yang

turut dikenali sebagai Perbicaraan Tanore.

Najib yang tidak hadir di mahkamah, memohon penangguhan itu bagi membolehkannya hadir pada sidang Dewan Rakyat hari ini bagi membahaskan mengenai Belanjawan 2020.

Ketika prosiding pada jam 2.30 petang, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, yang mewakili Najib menjelaskan kepada Sequerah bahawa anak guamnya tidak hadir di mahkamah (kerana akan menghadiri sidang Dewan Rakyat).

Muhammad Shafee berkata, ia berikutan slot bagi perbahasan untuk Ahli Parlimen Barisan Nasional pada sesi pagi yang dipertingkatkan untuk Najib (Ahli Par-



Muhammad Shafee Abdullah

limen Pekan), diisi oleh Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Peguam itu berkata, Najib akan membangkitkan isu yang sangat kritikal di Parlimen hari ini dan ucapannya sudah disediakan le-

bih dua minggu.

"Najib juga memohon diberikan slot pada jam 4.15 petang, bagaimanapun, beliau gagal untuk mendapatkannya.

"Anak guam saya ingin memohon maaf kepada Yang Arif dan juga rakan bijaksana saya kerana tidak dapat menghadirkan diri atas alasan yang tidak dapat dielakkan.

"Sekiranya beliau melepaskan peluang untuk berucap pada sidang kali ini, beliau pasti tidak dibenarkan untuk berucap selama dua bulan seterusnya," katanya.

Muhammad Shafee kemudian mencadangkan supaya perkara itu tidak lagi dibangkitkan dan perbicaraan bersambung semula

jam 9.30 pagi hari ini, selain memaklumkan pihak pembelaan sudah sering bertolak ansur berhubung jadual perbicaraan.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihaknya tidak berpuas hati dengan ketidakhadiran Najib.

Mengikut Sri Ram, alasan Najib perlu menghadiri Persidangan Dewan Rakyat tidak boleh diterima.

"Kita mempunyai saksi lain yang sudah menunggu kerana mereka tidak pasti bila sesi soal balas oleh pembelaan akan berakhir.

"Kami berharap ini adalah kali terakhir perkara seperti ini berlaku," katanya.